

# Bisnes

KEDIAMAN  
bertingkat  
tinggi jadi  
pilihan  
pembeli di  
Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur

**K**ediaman sekunder bertanah menjadi pilihan pembeli sepanjang tahun lalu khususnya di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

Menurut [iroperty.com.my](http://iroperty.com.my), pada 2021, hartanah kediaman sekunder bertanah mencatatkan harga transaksi median RM367,200 pada 2021, peningkatan 10 peratus berbanding RM333,760 pada 2018 manakala hartanah kediaman sekunder bertingkat tinggi mengalami pertumbuhan sebanyak 7.4 peratus dari RM270,000 kepada RM290,000.

Manakala, jumlah transaksi kediaman sekunder bertanah mengalami pertumbuhan 23.5 peratus berbanding 13.9 peratus yang dicatatkan bagi hartanah kediaman sekunder bertingkat tinggi.

Pengurus Negara, PropertyGuru Malaysia ([PropertyGuru.com.my](http://PropertyGuru.com.my) dan [iProperty.com.my](http://iProperty.com.my)), Sheldon Fernandez berkata, di Kuala Lumpur, pembeli kediaman sekunder memberi tumpuan kepada kediaman bertingkat tinggi.

"Pada 2018, median kaki persegi (kps) kondominium/apartmen lebih tinggi pada RM460.48 berbanding RM444.46 pada 2021.

"Nilai median kps kondominium/apartmen yang lebih rendah terbukti menarik pembeli rumah kerana ada 17,275 transaksi untuk kategori hartanah ini



## HARTANAH BERTINGKAT LARIS DI KL

*Nilai median kps kondominium, apartmen lebih rendah menarik minat pembeli*

berbanding 6,442 transaksi direkodkan apartmen servis," katanya.

Menurutnya, di Selangor pula, rumah teres yang luas ialah pilihan utama.

"Di negeri ini, rumah teres mencatat transaksi tertinggi pada 2021 berbanding hartanah lain (18,139).

"Covid-19 mengubah pi-

lihan kehidupan warga bandar yang kini memilih mengimbangi keperluan kerja dan gaya hidup. Hasilnya, rumah teres menjadi pilihan utama pembeli rumah di Selangor, khususnya rumah teres mampu milik dan luas di pinggir bandar.

"Pada tahun sama, nilai median kps rumah teres

mencecah RM357.32, meningkat 5.4 peratus dari angka 2018 sebanyak RM339.06," katanya.

"Populariti rumah teres dan keuntungan nilai kps bagi kediaman bertanah di Selangor mencadangkan pembeli dan pelabur rumah boleh menumpukan perhatian mereka pada 2022," katanya.